

PENDAHULUAN

Menyedari akan hakikat bahawa Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup dan amalan setiap detik bagi seorang muslim, maka Pendidikan Islam menekankan aspek ilmu, amalan dan penghayatan. Murid diberi pengetahuan dan kefahaman yang mendalam serta mencukupi tentang pelbagai persoalan dan isu kehidupan yang luas bagi mencorak dan mempengaruhi budaya serta cara hidup masyarakat dan umat Islam.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KBSM ini, hendaklah diajar dengan tulisan Jawi. Bidang-bidang pembelajaran hendaklah diolah dan disampaikan dengan berkesan melalui cara yang lebih menarik dan sentiasa dikaitkan dengan pelbagai aspek ilmu dan amalan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan secara meluas, mampu mengubah dan membangunkan diri sendiri serta masyarakat yang mempunyai daya fikir yang cemerlang, berakhlak mulia, bersefahaman, bersyukur dan bersatu padu. Pengolahan yang demikian rupa hendaknya mampu menghasilkan tamadun ummah yang tinggi serta dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan negara.

Nilai-nilai daripada mata pelajaran lain seperti Sains, Geografi, Sejarah dan Matematik juga perlulah direntas supaya wujud kesepaduan daripada pelbagai ilmu yang diperolehi di sekolah menengah. Melalui pendekatan ini, cita-cita untuk melahirkan insan harmonis, seimbang dan bertaqwa akan tercapai.

MATLAMAT

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

OBJEKTIF

Setelah mempelajari Pendidikan Islam Bersepadu Sekolah Menengah murid dapat :-

1. Membaca ayat-ayat terpilih daripada al-Quran dengan betul, fasih, mahir dan bertajwid, untuk memperkukuhkan minat dan amalan membaca al-Quran.
2. Menghafaz ayat-ayat al-Quran yang terpilih untuk menambah bacaan dalam solat dan amalan ibadah harian.
3. Memahami maksud beberapa ayat al-Quran dan Hadis yang dipelajari serta menghayati pengajarannya sebagai sumber hukum dan panduan mukmin.
4. Memantap keyakinan pegangan akidah Islamiah serta menghidupkan konsep tauhid secara sedar dalam keseluruhan amalan dan menjadi benteng keagamaan.
5. Memperkukuh dan mempertingkat amalan ibadat-ibadat Fardu 'Ain serta memahami sumbangan Fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam menyumbang kepada kemajuan hidup di dunia dan di akhirat.
6. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah nabawiyah, khulafa' al-rasyidin, dan tokoh-tokoh Islam sebagai asas pembentukan dan pembangunan insan yang cinta dan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara.
7. Berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai tunggak budaya bangsa yang bermaruah.
8. Membaca dan menulis Jawi melalui penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sebagai warisan amalan budaya bangsa akan terus diperkukuhkan.

KANDUNGAN KURIKULUM

Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam ini dibahagi kepada tiga bidang pembelajaran. Peruntukan waktu Pendidikan Islam ialah sebanyak enam waktu (3+1+2) di peringkat sekolah menengah rendah dan empat waktu (3+1) di peringkat sekolah menengah atas. Peruntukan waktu amali solat perlu di isi dengan solat berjemaah dan tazkirah yang berkaitan dengan kehendak sukatan pelajaran. Manakala peruntukan dua waktu tambahan perlu digunakan untuk aktiviti-aktiviti memperkukuhkan penyampaian objektif kurikulum Pendidikan Islam.

1. Bidang Pembelajaran Tilawah al-Quran dan Hadis

Bidang Pembelajaran Tilawah al-Quran dan Hadis menumpukan perkara-perkara berikut :-

- 1.1 Membaca ayat-ayat al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih.
- 1.2 Menghafaz ayat-ayat al-Quran yang terpilih mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih.
- 1.3 Memahami pengertian dan hikmah ayat-ayat tertentu dan hadis-hadis pilihan.
- 1.4 Memahami serta menghayati pengajaran al-Quran dan Hadis sebagai sumber hukum.

2. Bidang Pembelajaran 'Ulum Syar'iyah

Bidang Pembelajaran 'Ulum Syar'iyah menumpukan perkara-perkara berikut :-

- 2.1 Pemantapan akidah menerusi peneguhan Iman, pemupukan sikap, tanggungjawab pelajar sebagai manusia yang sedar dan insaf akan kedudukannya terhadap Allah s.w.t diri sendiri, alam sekitar, masyarakat dan negara.
- 2.2 Penghayatan ibadah menerusi pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan disiplin ibadah yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t serta melakukannya.

- 2.3 Memahami peranan Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah sebagai ibadah yang diperlukan untuk pembangunan diri dan negara ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
- 2.4 Meneladani sirah Rasulullah s.a.w dan tamadun Islam iaitu dengan mengetahui mencontohi dan membangunkan kembali keagungan tamadun Islam.

3. **Bidang Pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiah**

Bidang pembelajaran Adab berteraskan Akhlak Islamiah diajar khusus dalam bidang Akhlak Islamiah. Adab yang telah diperolehi dan diamalkan di peringkat sekolah rendah dipertingkatkan lagi di sekolah menengah. Adab ini berdasarkan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah s.w.t, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

Kandungan Kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap muslim dari segi fardu Kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan pelajar sekolah menengah.

1. Tilawah al-Quran.

1.1 Ayat Bacaan :-

- 1.1.1 Ayat 1 hingga 286 surah al-Baqarah.
- 1.1.2 Ayat 1 hingga 200 surah Aali 'Imran.
- 1.1.3 Ayat 1 hingga 87 surah al-A'raf.
- 1.1.4 Ayat 1 hingga 11 surah al-Jumu'ah.
- 1.1.5 Ayat 1 hingga 65 surah al-An'am.
- 1.1.6 Ayat 1 hingga 35 surah al-Mukminun.
- 1.1.7 Ayat 1 hingga 21 surah Luqman.
- 1.1.8 Ayat 1 hingga 129, surah al-Taubah.
- 1.1.9 Ayat 1 hingga 38 surah al-Nur.
- 1.1.10 Ayat 1 hingga 30 surah al-Sajdah.
- 1.1.11 Ayat 1 hingga 24 surah al-Hasyr.

1.2 Ayat Hafazan :-

- 1.2.1 Ayat 1 hingga 5, 201, 255, 256, 284, 285 dan 286 surah al-Baqarah.
- 1.2.2 Ayat 8, 18, 26, 27, surah Aali 'Imran.
- 1.2.3 Ayat 23 surah al-A'raf.
- 1.2.4 Ayat 9, 10 dan 11 surah al-Jumu'ah.
- 1.2.5 Ayat 162 dan 163 surah al-An'am.
- 1.2.6 Ayat 1 hingga 11 surah al-Mukminun.
- 1.2.7 Ayat 12 hingga 19 surah Luqman.
- 1.2.8 Ayat 128 hingga 129 surah al-Taubah.
- 1.2.9 Ayat 35 surah al-Nur.
- 1.2.10 Ayat 21 hingga 24 surah al-Hasyr.

1.3 Ayat Kefahaman :-

- 1.3.1 Ayat 1 hingga 5, 34 dan 37, ayat 83, 155 hingga 156, 168, 201, 219, 255, 256, 284, 285 dan 286 surah al-Baqarah.
- 1.3.2 Ayat 8, 18, 26, 27, 103, 110, 133 hingga 136 dan 159 surah Aali 'Imran.
- 1.3.3 Ayat 23, 57 - 58, 179, 205 dan 206 surah al-A'raf;
- 1.3.4 Ayat 9 hingga 11 surah al-Jumu'ah.
- 1.3.5 Ayat- 6, 50, 70, 125 dan 161 hingga 165 surah al-An'am.
- 1.3.6 Ayat 1 hingga 11 surah al-Mukminun.
- 1.3.7 Ayat 12 hingga 19 surah Luqman.
- 1.3.8 Ayat 6, 128 dan 129 surah al-Taubah.
- 1.3.9 Ayat 30 hingga 31 dan 35 surah al-Nur.
- 1.3.10 Ayat 15 hingga 16 surah al-Sajdah.
- 1.3.11 Ayat 21 hingga 24 surah al-Hasyr.

2. Hadis.

2.1 Pengenalan asas tentang konsep Hadis.

2.2 Hadis sebagai sumber hukum.

2.3 Perbezaan antara Hadis dan al-Quran.

2.4 Hadis Kefahaman :-

2.4.1 Galakan Menuntut Ilmu :

: ﷺ ﷺ
[] .

2.4.2 Panduan Hidup Mukmin :

: ﷺ ﷺ
:
[] .

2.4.3 Tanggungjawab Setiap Mukmin :

ﷺ : ﷺ
]
[

2.4.4 Konsep Sedekah :

: ﷺ : ﷺ

2.4.5 Amalan Kebajikan Mukmin :

: ﷺ

: ﷺ

[] .

2.4.6 Adab Kepada Binatang :

: ﷺ ﷺ

[] .

2.4.7 Hindarkan Makanan Haram :

: ﷺ : ﷺ

يَتَأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ :

وَأَعْمَلُوا صَالِحًا : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا

كُلُّوْا مِنَ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

[]

2.4.8 Persaudaraan Dalam Islam :

: ﷺ : ﷺ

[].

2.4.9 Menghargai Kehidupan :

ﷻ :

:

:

:

].

[

2.4.10 Peribadi Orang Beriman :

ﷻ :

:

ﷻ :

:

[].

3. 'Ulum Syar'iyah.

3.1 Akidah :-

3.1.1 Konsep akidah.

3.1.2 Asas-asas Akidah Islamiah.

3.1.3 Akidah berteraskan Rukun Iman.

3.1.4 Konsep mukmin dan muslim.

3.1.5 Dalil-dalil tentang kewujudan Allah s.w.t :-

a. Dalil Naqli.

b. Dalil 'Aqli.

- 3.1.6 Sifat-sifat Allah s.a.w berdasarkan al-Asma' al-Husna serta dalil 'Naqli dan Aqli :-
 - a. al-Wahid.
 - b. al-Rahman.
 - c. al-Rahim.
 - d. al-Hakim.
 - e. al-'Alim.
 - f. Al-'Adl.

- 3.1.7 Kesan-kesan beriman kepada Allah s.w.t.
- 3.1.8 Beriman kepada Malaikat :-
 - a. Hakikat Malaikat.
 - b. Tugas-tugas Malaikat.
 - c. Kesan beriman kepada Malaikat.

- 3.1.9 Beriman kepada kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah:-
 - a. Taurat.
 - b. Zabur.
 - c. Injil.
 - d. al-Quran.

- 3.1.10 Beriman kepada Rasul :-
 - a. Mentaati Rasul bererti mentaati Allah s.w.t.
 - b. Rasul-rasul yang wajib diketahui dan sejarahnya.
 - c. Sifat-sifat para Rasul.
 - d. Kesan-kesan beriman kepada Rasul.
 - e. Beriman terhadap *'Ismah al-Rasul*.

- 3.1.11 Beriman kepada Hari Akhirat :-
 - a. Kematian, Alam Barzakh.
 - b. Hari Kiamat.
 - c. Dosa.
 - d. Pahala.
 - e. Mahsyar.
 - f. Hisab.
 - g. Mizan.
 - h. Sirat.
 - i. Syurga.
 - j. Neraka.
 - k. Persediaan menghadapi Hari Akhirat.
 - l. Kesan beriman kepada Hari Akhirat.

- 3.1.12 Beriman kepada qada' dan qadar serta hikmahnya :-

- a. Pemahaman yang betul mengenai konsep ikhtiar, tawakal dan *af'al al-'ibad* serta hubungannya dengan qada' dan qadar.

3.1.13 Perkara yang membatalkan iman dan dalil :-

- a. Syirik.
- b. Kufur.
- c. Riddah.
- d. Khurafat.
- e. Sihir.
- f. Nifak.

3.1.14 Dosa-dosa besar yang merosakkan iman dan kesannya :-

- a. Menghina dan menderhakai ibu bapa.
- b. Menipu dan berbohong.
- c. Mencuri.
- d. Menagih dadah.
- e. Minum arak.
- f. Berzina .
- g. Liwat, Musahaqah.
- h. Riba.
- i. Makan harta anak yatim.
- j. Membunuh diri.
- k. Lari dari medan perang.
- l. Menuduh berzina.
- m. Mengumpat dan memfitnah.

3.1.15 Taubat :-

- a. Konsep.
- b. Dalil.
- c. Cara-cara.
- d. Hikmah.

3.1.16 Iman :-

- a. Martabat iman.
- b. Tingkat iman.
- c. Kemanisan iman.

3.1.17 Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah :-

- a. Pengenalan.
- b. Prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- c. Perbezaan antara Muslim, Mukmin, Kafirr, Fasiq, Murtad, Munafik, Tidak Beragama dan Musyrik.

3.1.18 Ajaran Sesat :-

- a. Ciri-ciri dan contoh ajaran sesat.
 - i) Qadyani.
 - ii) Bahai.
 - iii) Taslim.

3.2 Ibadat :-

- 3.2.1 Konsep Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah.
- 3.2.2 Implikasi Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah kepada individu, masyarakat dan negara.
- 3.2.3 Bersuci :-
 - a. Konsep bersuci.
 - b. Bersuci daripada najis, cara dan hikmahnya.
 - c. Istinja' dan hikmahnya.
 - d. Wuduk dan hikmahnya.
 - e. Mandi dan hikmahnya.
 - f. Tayammum dan cara-cara serta hikmahnya.
 - g. Sertu, samak dan cara-cara melakukannya serta hikmahnya.
 - h. Hikmah bersuci dalam kehidupan individu dan masyarakat.
- 3.2.4 Solat Fardu :-
 - a. Solat fardu, dalil wajib dan hikmahnya.
 - b. Solat berjemaah dan kepentingannya.
 - c. Cara-cara khusyuk dalam solat.
- 3.2.5 Solat Jumaat :-
 - a. Konsep Solat Jumaat.
 - b. Syarat wajib, syarat sah dan cara.
 - c. Rukun Khutbah Jumaat dan cara melaksanakannya.
 - d. Adab makmum.
- 3.2.6 Solat Sunat Rawatib dan Tahiyatul masjid serta cara-cara mengamalkannya.
- 3.2.7 Solat Jamak dan Qasar :-
 - a. Konsep Solat Jamak dan Qasar.
 - b. Memahami dan menghargai Solat Jamak dan Qasar.
 - c. Hikmah, syarat dan kaifiat Solat Jamak dan Qasar.
- 3.2.8 Solat Hajat.
- 3.2.9 Solat Aidil Fitri dan Aidil Adha.
- 3.2.10 Puasa :-
 - a. Konsep puasa, dalil dan hikmah.
 - b. Jenis puasa.

- c. Syarat wajib, syarat sah, rukun, sunat dan makruh puasa.
 - d. Perkara yang membatalkan puasa.
 - e. Orang yang harus berbuka puasa.
 - f. Qada' dan fidyah puasa.
- 3.2.11 Penghayatan bulan Ramadan :-
- a. Solat Tarawih.
 - b. Tilawah al-Quran.
 - c. Sedekah.
- 3.2.12 Zakat fitrah :-
- a. Pengertian Zakat Fitrah dan hikmahnya.
 - b. Cara mengeluarkan Zakat Fitrah.
- 3.2.13 Solat ketika sakit dan cara-caranya
- 3.2.14 Solat Tahajjud.
- 3.2.15 Pengurusan jenazah dan cara-caranya.
- 3.2.16 Konsep zakat harta dan dalil wajib :-
- a. Jenis harta yang diwajibkan zakat dan cara-caranya.
 - b. Asnaf zakat.
 - c. Hikmah zakat.
 - d. Institusi pengurusan zakat di Malaysia.
- 3.2.17 Ibadah Haji dan Umrah :-
- a. Falsafah Haji dan Umrah.
 - b. Konsep ibadah haji dan umrah serta dalil.
 - c. Syarat wajib, rukun dan sunat Haji dan Umrah.
 - d. Wajib Haji dan Umrah serta perkara yang dilarang semasa ihram.
 - e. Cara-cara mengerjakan ibadah Haji dan Umrah.
- 3.2.18 Sembelihan, korban dan akikah serta hikmahnya.
- 3.2.19 Prinsip mu'amalat dan kepentingannya :-
- a. Jual beli.
 - b. Sewaan.
 - c. Gadaian.
 - d. Syarikat.
 - e. Saham.
 - f. Insurans.
 - g. Hutang piutang.
- 3.2.20 Perkahwinan :-
- a. Konsep perkahwinan, hukum, dalil dan hikmahnya.

- b. Kaifiat perkahwinan :-
 - i) Pemilihan calon suami isteri.
 - ii) Peminangan.
 - iii) Nikah,rukun nikah,Mahar dan Walimah al-Urus.
 - c. Tanggungjawab :-
 - i) Suami dan isteri
 - ii) Tanggungjawab bersama.
- 3.2.21 Masalah dan cara-cara penyelesaian kekeluargaan :-
- a. Talak.
 - b. Ruju'.
 - c. 'Iddah
 - d. Nusyuz.
 - e. Fasakh.
 - f. Khulu'.
 - g. Zihar.
 - h. Li'an.
 - i. Poligami
- 3.2.22 Kemahiran ibu bapa.
- 3.2.23 Akta kekeluargaan.
- 3.2.24 Isu-isu semasa berkaitan keluarga :-
- a. Anak angkat.
 - b. Hadhanah.
- 3.3 **Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam :-**
- 3.3.1 Riwayat hidup Rasulullah s.a.w.
 - 3.3.2 Masyarakat Arab sebelum dan selepas kelahiran Rasulullah s.a.w.
 - 3.3.3 Perjuangan Nabi Muhammad s.a.w di Mekah al-Mukarramah dalam mengukuhkan Akidah Islamiah.
 - 3.3.4 Strategi perjuangan Rasulullah s.a.w.
 - 3.3.5 Faktor-faktor kejayaan dan strategi dakwah Islamiah Rasulullah s.a.w di Mekah.
 - 3.3.6 Hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah dan pengajaran yang diperolehi.
 - 3.3.7 Keunggulan perjuangan tokoh-tokoh berikut :-
 - a. Abu Bakar al-Siddiq.
 - b. Saidina 'Umar al-Khattab.
 - c. Saidina 'Uthman bin 'Affan.
 - d. Saidina Ali bin Abi Talib.
 - e. Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib.
 - f. Khadijah binti Khuwalid.
 - g. Abu Hurairah.

- h. Abdul Rahman bin 'Auf.
 - i. Aishah binti Abu Bakar.
 - j. Khalid bin al-Walid.
 - k. Fatimah al-Zahra'.
 - l. Sumaiyah.
 - m. Bilal bin Rabah.
- 3.3.8 Kepimpinan Rasulullah s.a.w di Madinah :-
- a. Pembinaan masjid dan kepentingannya.
 - b. Persaudaraan Muhajirin dan Ansar.
 - c. Piagam Madinah.
 - d. Perjanjian Hudaibiyah.
- 3.3.9 Keistimewaan tindakan dan strategi Rasulullah s.a.w semasa Pembukaan Mekah.
- 3.3.10 Pemerintahan Islam pada zaman Khulafa' al-Rasyidin :-
- a. Ciri-ciri kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin.
 - b. Sistem pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin.
 - c. Penyebaran Islam.
- 3.3.11 Perkembangan Islam pada zaman Umayyah :-
- a. Ketenteraan.
 - b. Pendidikan.
 - c. Ekonomi.
 - d. Kegemilangan Tamadun Islam.
 - e. Faktor Kemerosotan.
- 3.3.12 Perkembangan Islam pada zaman Bani Abbasiah :-
- a. Penyebaran Islam semangat dan jihad.
 - b. Perkembangan ilmu pengetahuan.
 - c. Ketenteraan.
 - d. Pendidikan.
 - e. Perekonomian.
 - f. Sains dan Teknologi.
 - g. Kegemilangan tamadun Islam.
 - h. Faktor keunggulan dan kemerosotan tamadun Islam.
- 3.3.13 Tokoh-tokoh Imam :-
- a. Imam Abu Hanifah.
 - b. Imam Malik.
 - c. Imam Syafie.
 - d. Imam Ahmad Ibnu Hanbal.
 - e. Iman Ghazali.
 - f. Imam al-Bukhari.

3.3.14 Tokoh-tokoh cendekiawan Islam :-

- a. Ibnu Sina.
- b. Ibnu Khaldun.
- c. Jamaludin al-Afghani.
- d. Muhammad Abduh.
- e. Hamka.
- f. Sheikh Tahir Jalaluddin.

4. Adab dan Akhlak Islamiah

4.1 Adab Dalam Kehidupan Sehari-hari :-

- 4.1.1 Adab menjaga fitrah lelaki dan perempuan.
- 4.1.2 Adab berkawan.
- 4.1.3 Adab ketika ditimpa musibah dan menerima nikmat.
- 4.1.4 Adab berjiran.
- 4.1.5 Adab menjaga diri dan maruah.
- 4.1.6 Adab berfikir.
- 4.1.7 Adab berhias diri.
- 4.1.8 Adab menjaga orang sakit.
- 4.1.9 Adab musafir.
- 4.1.10 Adab bernegara.
- 4.1.11 Adab dengan pemimpin.
- 4.1.12 Adab berjuang.

4.2 Adab Dalam Kehidupan Bersosial :-

- 4.2.1 Adab terhadap muslim dan bukan muslim.
- 4.2.2 Adab menerima/melayan tetamu.
- 4.2.3 Adab bekerja.
- 4.2.4 Adab bercakap dalam majlis.
- 4.2.5 Adab amar makruf dan nahi mungkar.
- 4.2.6 Adab di tempat rekreasi.
- 4.2.7 Adab menjaga kemudahan awam.
- 4.2.8 Adab ziarah jenazah.
- 4.2.9 Adab menjaga alam.
- 4.2.10 Adab memberi dan menerima sedekah dan hadiah.
- 4.2.11 Adab berjual beli.

4.3 Adab Dalam Menunaikan Ibadat :-

- 4.3.1 Adab membaca al-Quran.
- 4.3.2 Adab di masjid/surau.
- 4.3.3 Adab terhadap al-Quran.
- 4.3.4 Adab berdoa.

4.3.5 Adab beribadat.

4.4 **Adab Terhadap Ibu bapa Dan Keluarga :-**

4.4.1 Adab dengan ibu bapa.

4.4.2 Adab bergaul dengan keluarga.

4.4.3 Adab berbakti kepada ibu bapa.

4.5 **Adab Menuntut Ilmu :-**

4.5.1 Adab menjaga harta di sekolah.

4.5.2 Adab berguru.

4.5.3 Adab menuntut ilmu.

4.5.4 Adab berpidato.

4.6 **Adab Terhadap Allah dan Rasul :-**

4.6.1 Adab Zikrullah.

4.6.2 Adab menghormati Rasul.